

# Tesco tambah produk 14 PKS

Syarikat yakin kualiti jenama tempatan setanding antarabangsa

Oleh Bisnes BH  
bbbiz@bh.com.my

**Tesco** Stores (Malaysia) Sdn Bhd (Tesco) memperkenalkan 14 lagi perusahaan kecil dan sederhana (PKS) tempatan ke dalam rangkaian runcitnya, sebagai sebahagian daripada kempen 'Beli Barang Buatan Malaysia'.

Penambahan 14 PKS ini, yang merangkumi kategori kuih-muih manisan, pes masakan dan produk kesihatan dan kecantikan adalah bukti kepercayaan Tesco bahawa produk tempatan mempunyai nilai serta kualiti setanding jika dibandingkan dengan jenama antarabangsa.

Pengarah Produk Tesco, Kenneth Chuah, berkata 14 PKS baru yang diperkenalkan melalui pelbagai ujian dan membuktikan

bahawa mereka setanding dari segi nilai, kualiti dan penghantaran jika dibandingkan dengan syarikat multinasional.

"Kisah kejayaan Tesco bukan milik kami sendiri. Ia bergantung pada rakan kongsi dan pembekal kami, baik besar maupun kecil, untuk mengembangkan perniagaan mereka demi meraih lebih ramai pelanggan," katanya.

Beliau berkata demikian pada pelancaran kempen 'Beli Barang Buatan Malaysia' bersama Tesco di Tesco Extra Kajang, semalam.

Pelancaran kempen itu disempurnakan Menteri Perdagangan Dalam Negeiri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail.

Kempen 'Beli Barang Buatan Malaysia' bersama Tesco adalah kolaborasi syarikat bersama KPDNHEP.

Kempen bertujuan merangsang pertumbuhan ekonomi domestik, dan pada masa sama, meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai kebaikan kualiti produk buatan tempatan.

Tesco juga menghias 100 buah trak Tesco Online de-

ngan logo kempen 'Beli Barang Buatan Malaysia' yang diluluskan oleh KPDNHEP, untuk memberi kesedaran mengenai kempen ini kepada orang ramai.

PKS baharu yang menyertai rangkaian Tesco ialah Akifcafe Coffee Industries Sdn Bhd (minuman panas), Binarich Enterprise Sdn Bhd (kuih-muih manisan), Gaintact Keibi Enterprise Sdn Bhd (kuih-muih manisan), Hamie Industries Sdn Bhd (kuih-muih manisan), Samza Food Industries Sdn Bhd (pes siap sedia), Veloce Food Industry Sdn Bhd (pes siap Sedia) dan I On Enterprise Sdn Bhd (makanan sejuk beku).

Syarikat lain ialah Haircrafter International Sdn Bhd (kecantikan dan kesihatan), Merolz Resources Sdn Bhd (kecantikan dan kesihatan), NFA Technologies Sdn Bhd (penjagaan diri), Sakura Industries Sdn Bhd (penjagaan diri), Sertwo International Sdn Bhd (pembersihan

rumah), Taharah Global (M) Sdn Bhd (kecantikan dan kesihatan) dan Wonderland Primary Sdn Bhd (pes siap sedia).



Saifuddin Nasution bersama Chuah (kanan) menunjukkan produk buatan Malaysia selepas Pelancaran Kempen Beli Barang Buatan Malaysia di Tesco Extra, Kajang, semalam.

Khamis, 30 Januari 2020 | 7:00pm



Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail bersama Pengarah Produk Tesco Malaysia, Kenneth Chuah (kiri) menunjukkan produk buat Malaysia selepas Pelancaran Kempen Buy Malaysia Product di Tesco Extra, Kajang. - Foto Syarfiq Abd Samad

## Tesco tambah produk 14 PKS ke dalam rangkaian

Oleh Bisnes BH  
[bhbiz@bh.com.my](mailto:bhbiz@bh.com.my)

**KAJANG:** Tesco Stores (Malaysia) Sdn Bhd (Tesco) memperkenalkan 14 lagi perusahaan kecil dan sederhana (PKS) tempatan ke dalam rangkaian runcitnya, sebagai sebahagian daripada kempen ‘Beli Barangai Buatan Malaysia’.

Penambahan 14 PKS ini, yang merangkumi kategori kuih-muih manisan, pes masakan dan produk kesihatan dan kecantikan adalah bukti kepercayaan Tesco bahawa produk tempatan mempunyai nilai serta kualiti setanding jika dibandingkan dengan jenama antarabangsa.

Pengarah Produk Tesco, Kenneth Chuah, berkata 14 PKS baru yang diperkenalkan melalui pelbagai ujian dan membuktikan bahawa mereka setanding dari segi nilai, kualiti dan penghantaran jika dibandingkan dengan syarikat multinasional.

Kisah kejayaan Tesco bukan milik kami sendiri. Ia bergantung pada rakan kongsi dan pembekal kami, baik besar maupun kecil, untuk mengembangkan perniagaan mereka demi meraih lebih ramai pelanggan," katanya.

Beliau berkata demikian pada pelancaran kempen 'Beli Barang Buatan Malaysia' bersama Tesco di Tesco Extra Kajang, hari ini.

Pelancaran kempen itu disempurnakan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail.

Kempen 'Beli Barang Buatan Malaysia' bersama Tesco adalah kolaborasi syarikat bersama KPDNHEP.

Kempen bertujuan merangsang pertumbuhan ekonomi domestik, dan pada masa sama, meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai kebaikan kualiti produk buatan tempatan.

Tesco juga menghias 100 buah trak Tesco Online dengan logo kempen 'Beli Barang Buatan Malaysia' yang diluluskan oleh KPDNHEP, untuk memberi kesedaran mengenai kempen ini kepada orang ramai.

PKS baharu yang menyertai rangkaian Tesco ialah Akifcafe Coffee Industries Sdn Bhd (minuman panas), Binarich Enterprise Sdn Bhd (kuih-muih manisan), Gainpact Keibi Enterprise Sdn Bhd (kuih-muih manisan), Hamie Industries Sdn Bhd (kuih-muih manisan), Samza Food Industries Sdn Bhd (pes siap sedia), Veloce Food Industry Sdn Bhd (pes siap Sedia) dan I On Enterprise Sdn Bhd (makanan sejuk beku).

Syarikat lain ialah Haircrafter International Sdn Bhd (kecantikan dan kesihatan), Merolz Resources Sdn Bhd (kecantikan dan kesihatan), NFA Technologies Sdn Bhd (penjagaan diri), Sakura Industries Sdn Bhd (penjagaan diri), Sertwo International Sdn Bhd (pembersihan rumah), Taharah Global (M) Sdn Bhd (kecantikan dan kesihatan) dan Wonderland Primary Sdn Bhd (pes siap sedia).